

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**PENYELARASAN SYARAT PEMILIKAN INSTITUSI PENDIDIKAN
SWASTA BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil maklum pandangan yang dibangkitkan berhubung syarat pemilikan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti Bumiputera bagi institusi pendidikan swasta (IPS) tertentu yang dimiliki melalui syarikat sendirian berhad seperti yang dinyatakan dalam Buku Pernyataan Dasar IPS yang diterbitkan pada tahun 2006.

Susulan sesi perbincangan antara KPM dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), KPM bersetuju bahawa ketetapan pemilikan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti Bumiputera tidak lagi ditetapkan sebagai syarat bagi syarikat sendirian berhad yang mengoperasikan IPS bawah KPM.

Penyelarasan ini dibuat bagi memenuhi keperluan semasa sektor pendidikan serta memastikan ruang penyertaan dalam pendidikan kekal terbuka kepada semua pihak yang mahu menyumbang kepada pembangunan pendidikan negara.

KPM menghargai sumbangan semua pengusaha IPS dan akan terus bekerjasama dengan semua pihak demi kepentingan pendidikan anak-anak Malaysia.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
21 SEPTEMBER 2026**